

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 48: 8 Disember 2025

UPSI rangkul empat anugerah di Global Education Award 2025

Bangkok, 7 Disember - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengukuhkan reputasinya di peringkat antarabangsa apabila meraih empat pengiktirafan utama pada Global Education Award 2025 yang berlangsung di Bangkok, Thailand.

Acara berprestij yang menghimpunkan pemimpin pendidikan, penggubal dasar dan inovator dari seluruh Asia itu menjadi platform penting bagi meraikan kecemerlangan institusi dan tokoh pendidikan serantau.

UPSI menerima penghormatan tertinggi menerusi anugerah Excellence in Education, sekali gus menandakan pengiktirafan antarabangsa terhadap kecemerlangan universiti itu dalam memacu pembangunan pendidikan berkualiti serta inovasi akademik.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff yang turut menerima anugerah Transformational Vice Chancellor berkata, kejayaan tersebut merupakan satu isyarat jelas bahawa strategi pengantarabangsaan dan reformasi pendidikan yang dilaksanakan universiti itu berada pada landasan tepat.

"Pengiktirafan ini adalah hasil usaha bersama seluruh warga UPSI yang sentiasa komited

menjunjung nilai kecemerlangan dan memperkukuh agenda pendidikan negara. Anugerah ini bukan hanya milik individu, tetapi milik keseluruhan universiti," katanya.

Md Amin berkata, kejayaan di pentas antarabangsa itu memberi keyakinan baharu kepada UPSI untuk terus memperluas rangkaian global serta meningkatkan kolaborasi strategik dengan rakan akademik dari Asia dan seluruh dunia.

6th December, 2025 | BANGKOK, THAILAND

Excellence in Education
Universiti Pendidikan Sultan Idris



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Dua Pelajar UPSI Cemerlang di AEON 1% Club Japanese Speech Contest 2025

Shah Alam, 6 Disember - Kejayaan dua Pelajar UPSI Cemerlang di AEON 1% Club Japanese Speech Contest 2025 telah mengukuhkan lagi reputasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai institusi pendidikan terkemuka negara. Pertandingan berprestij yang berlangsung di AEON Mall Shah Alam itu menghimpunkan 30 peserta dari pelbagai universiti seluruh Malaysia. Kejayaan luar biasa ini sekali lagi membuktikan kemampuan pelajar UPSI bersaing bukan sahaja di peringkat kebangsaan, malah bersedia melangkah ke pentas antarabangsa. Syahrizal Dinobatkan Johan, Nurin Tempat Kelima Pertandingan yang penuh sengit itu menyaksikan dua Pelajar UPSI Cemerlang berjaya menempatkan diri dalam kelompok

terbaik. Muhammad Syahrizal Theng Abdullah dari Fakulti Sains dan Matematik (FSM) dinobatkan sebagai Johan, manakala Nurin Dayana Alias dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) meraih tempat kelima. Prestasi gemilang mereka menyerlahkan kebolehan pelajar UPSI dalam kemahiran komunikasi bahasa Jepun yang semakin mendapat perhatian dalam dunia global.

Daripada 30 peserta, hanya 14 finalis dipilih untuk berentap di pentas akhir. Keupayaan dua Pelajar UPSI Cemerlang mara ke peringkat ini serta mempamerkan persembahan bertenaga membuktikan keberkesanan latihan, bimbingan dan komitmen tinggi mereka sepanjang pertandingan.

UPSI Terima Pengiktirafan '1st Para Junior Championship' Oleh POPM

Tanjong Malim, 1 Disember - Penganjuran Kejohanan Olahraga Mini Para UPSI 2025 peringkat kebangsaan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) baru-baru ini menerima pengiktirafan sebagai "1st Para Junior Championship" daripada Persatuan Olahraga Para Malaysia.

Ianya turut meletakkan UPSI sebagai institusi perintis dalam penganjuran kejohanan para peringkat junior di Malaysia.

Kejohanan itu menghimpunkan kira-kira 120 atlet para dari seluruh negara mempertandingkan acara balapan 100 meter (m), 200m,

400m, 1500m serta acara padang merangkumi lompat jauh dan lontar peluru.

Kesemua acara dibahagikan mengikut kategori ketidakupayaan intelektual dan penglihatan bagi atlet lelaki dan wanita.

Antara atlet yang mencuri tumpuan ialah Muhammad Fitri Aszuddin dari Kuala Lumpur yang meraih pingat emas dalam 200 meter serta perak dalam lompat jauh. Sementara itu, atlet Selangor, Nur Izdihar Ibrahim, turut tampil cemerlang dengan dua pingat emas dalam acara lompat jauh dan 400 meter.



UPSI Raih 5 Anugerah Buku Negara 2024–2025

Shah Alam, 3 Disember - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengukuhkan kedudukannya sebagai penerbit institusi pendidikan terkemuka apabila meraih lima Anugerah Buku Negara 2024–2025 pada majlis penganugerahan yang berlangsung di Pentas Utama, Pesta Buku Antarabangsa Selangor 2025 di Setia City Convention Centre, Shah Alam pada 3 Disember.

Pengarah Penerbit UPSI, Profesor Dr. Nordiana Hamzah berkata, kejayaan itu membuktikan kemampuan UPSI melahirkan karya berkualiti merangkumi genre ilmiah, kreatif dan biografi, seterusnya memperkukuh reputasi universiti sebagai peneraju penerbitan pendidikan negara.

Beliau berkata, antara kejayaan yang dicapai termasuk kemenangan dalam Kategori Pendidikan dan Akademik: Buku Ilmiah Popular menerusi buku Pendekatan Awal Kanak-kanak: Penglibatan Keluarga dan Komuniti di Taska dan Tadika oleh Nordin Mamat dan Abdul Talib Mohamed Hashim, yang menekankan pendekatan holistik pendidikan awal melalui

kerjasama komuniti. UPSI turut meraih pengiktirafan dalam Kategori Penerbitan dan Rekabentuk Buku Terbaik melalui buku Seronok Numerasi: Pendekatan Peringkat Kefahaman Numerasi, reka bentuk oleh Zuzalina Zulkanain, yang dinilai menyerlah menerusi susun atur visual yang kemas dan mesra pembaca.

Dalam Kategori Umum & Ilmiah: Buku Sejarah dan Biografi Terbaik, UPSI menang melalui buku Persekutuan Melayu Melaka: Sejarah Kepemimpinan Negeri Para Pahlawan Melayu di Mesir dan Sumbangannya tulisan Muhammad Hafiz Samsuddin, yang mendokumentasikan sejarah masyarakat Melayu di Mesir secara komprehensif.

Dua lagi anugerah yang diraih ialah Kategori Kreatif: Cerpen/Perkumpulan Cerpen Terbaik menerusi karya Pertemuan di Tepi Tasik oleh A. Wahab Rauf, serta Kategori Buku Biografi Terbaik melalui Memoir Rimbunan Cinta Bonda karya Kamariah Kamaruddin.

Nordiana berkata, kejayaan itu hasil komitmen dan

kerjasama rapat antara para penulis, pereka grafik dan pasukan editorial Penerbit UPSI dalam memastikan setiap karya mematuhi piawaian kualiti tertinggi.

"Saya amat menghargai dedikasi seluruh warga Penerbit UPSI yang bekerja keras untuk memastikan setiap naskah diterbitkan dengan standard terbaik.

"Pengiktirafan ini diharap menjadi pemangkin kepada lebih banyak karya berkualiti yang mampu mengangkat nama UPSI ke peringkat nasional dan antarabangsa," ujar beliau.

Majlis Anugerah Buku Negara 2024–2025 disempurnakan oleh Pengerusi Panel Juri Antarabangsa, Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuar Ali bersama Pengerusi Sekretariat Anugerah Buku Negara, Dr. Hasan Hamzah. Turut mewakili UPSI pada majlis itu ialah Timbalan Pengarah (Penarafan dan Pengantarabangsaan), Dr. Laili Farhana Md. Ibharim, yang hadir bagi meraikan para penulis dan pereka grafik yang membawa kejayaan kepada universiti.

